

Ruj. Kami : JKNJ/H20/100-2.15 Jld.5 (5)
Tarikh : 5 MAC 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Dr,


PENAMBAHBAIKAN PROSES PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM DI FASILITI KESIHATAN SWASTA BAGI PAKAR PERUBATAN / PEGAWAI PERUBATAN JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat terdahulu rujukan JKNJ/H20/100-2.15 Jld.2 (35) bertarikh 22 Januari 2018.

2. Seperti sedia maklum, merujuk kepada Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubatan KKM dan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil.5/2006: Tatacara Pelaksanaan Pegawai Perubatan dan Pergigian Berdaftar Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum), seseorang pegawai boleh menjalankan pekerjaan luar setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan (Pengarah Kesihatan Negeri).

3. Dimaklumkan, Mesyuarat Teknikal Vektor dan Kematian Vektor Peringkat Negeri Johor Bil 1/2023 yang telah diadakan pada 8 Februari 2023 telah memutuskan agar semua pakar / pegawai perubatan yang menjalankan lokum di fasiliti kesihatan swasta perlu mempunyai latihan berkaitan perawatan denggi. Ini adalah sebagai langkah penambahbaikan ekoran beberapa isu berkaitan kelemahan dalam perawatan pesakit denggi melibatkan pegawai perubatan KKM yang membuat lokum di klinik-klinik swasta. Di antara latihan yang dicadangkan adalah kursus dalam talian "*Dengue Online Training (Primary Care)*" yang boleh disertai di laman web *ID Online Training* melalui pautan <https://www.openlearning.com/courses/dengue-online-training/?cl=1>

4. Justeru itu, penambahbaikan telah dibuat kepada proses permohonan lokum di fasiliti kesihatan swasta bagi pakar perubatan / pegawai perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Pemohon perlu mengisi borang permohonan seperti di Lampiran 1 dan melengkapkan senarai semak seperti di Lampiran 2. Pengarah Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan yang disokong. Permohonan beserta dokumen lengkap perlu dikemukakan untuk kelulusan Pengarah Kesihatan Negeri melalui ketua program masing-masing iaitu Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Bahagian Perubatan atau Kesihatan Awam.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO:QMS 02301



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO:QMS 02301

5. Sehubungan dengan itu, arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan. Bagi permohonan yang telah mendapat kelulusan sebelum ini, adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah untuk memastikan pegawai menghadiri kursus dalam talian tersebut dan mengemukakan salinan sijil penyertaan kepada pihak pengurusan PTJ masing-masing bagi tujuan rekod dan pemantauan.

6. Kerjasama dan perhatian dari pihak YBrs. Dr amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. AMAN BIN RABU)
Pengarah Kesihatan Negeri Johor

Samb. Tel : 07-2226757
Email : draman@moh.gov.my

SENARAI EDARAN

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

} YBrs Dr dimohon untuk menyelaras dan melaksana permohonan di peringkat program masing-masing.

Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru

Hospital Permai

Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar

Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat

Hospital Segamat, Johor

Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang

Hospital Kota Tinggi

Hospital Pontian

Hospital Mersing

Hospital Tangkak

Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai

Pengawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru

Pejabat Kesihatan Daerah Muar

Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat

Pejabat Kesihatan Daerah Segamat

Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi

Pejabat Kesihatan Daerah Pontian

Pejabat Kesihatan Daerah Mersing

Pejabat Kesihatan Daerah Tangkak

Pejabat Kesihatan Daerah Kulai

BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR (LOKUM)

PENGARAH KESIHATAN NEGERI
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR
TINGKAT 4, BLOK B, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN AYER MOLEK 80590 JOHOR BAHRU

Tarikh: _____

PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PEGAWAI PERUBATAN / PAKAR PERUBATAN

Saya : No. Kad Pengenalan :

Tempat Bertugas :

No. Pendaftaran Penuh : No. Amalan Tahunan :

Memohon kebenaran dan kelulusan untuk membuat lokum di hospital / klinik seperti di bawah:

1.

2.

Saya berjanji akan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya berjanji akan mengutamakan perkhidmatan dan integriti sektor awam serta bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa khususnya di waktu kecemasan. Saya faham Ketua Jabatan berhak menarik balik kelulusan pada bila-bila masa jika didapati bercanggah dengan peraturan sedia ada seperti melakukan lokum di waktu bekerja rasmi, mestilah mengambil cuti tahunan jika lokum dijalankan di waktu bekerja rasmi dan sebagainya.

Permohonan: Disokong / Tidak Disokong

(Tandatangan Pemohon)
Cop Rasmi Jabatan
Tarikh :

(Pengarah Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah)
Cop Rasmi Jabatan
Tarikh :

KEPUTUSAN

Permohonan: Diluluskan / Tidak Diluluskan

Berikut adalah tempat amalan yang telah diluluskan:

1.

2.

(Pengarah Kesihatan Negeri)
Cop Rasmi Jabatan
Tarikh :

(Catatan : sila serahkan sesalinan borang ini kepada pemohon setelah mendapat keputusan)

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LOKUM
BAGI PAKAR PERUBATAN / PEGAWAI PERUBATAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

Nama Pegawai :

Jawatan :

Tempat Bertugas :

| | Perkara | Ya / Lengkap |
|----|--|--------------|
| 1. | Warganegara Malaysia | |
| 2. | Lantikan tetap | |
| 3. | Mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman selepas mendapat pendaftaran penuh | |
| 4. | Borang Permohonan Menjalankan Lokum | |
| | i. Nombor Pendaftaran Penuh | |
| | ii. Nombor Amalan Tahunan | |
| | iii. Tandatangan Pemohon | |
| | iv. Sokongan Ketua Jabatan / Pengarah Hospital | |
| 5. | Salinan Sijil Amalan Tahunan Semasa | |
| | Pastikan tempat praktis yang dipohon disenaraikan di dalam Sijil Amalan Tahunan | |
| 6. | Salinan Insurans Perubatan (<i>Medical Insurance</i>) | |
| 7. | Jadual Tugas (Lokum) | |
| 8. | Menghadiri Latihan Berkaitan Perawatan Denggi Cadangan: Kursus Dalam Talian " <i>Dengue Online Training (Primary Care)</i> " - Laman web kursus di pautan https://www.openlearning.com/courses/dengue-online-training/?cl=1 - Sila sertakan sijil kehadiran kursus | |

Disediakan oleh:

(Nama & Cop Rasmi)
Tarikh :

Disemak oleh:

(Nama & Cop Rasmi)
Tarikh :